



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA

Lembaga Koko Malaysia mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf tetap di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut:-

PEGAWAI PENYELIDIK - (Bil. Kekosongan : 4)

- i. *Klasifikasi Perkhidmatan* : Penyelidikan dan Pembangunan
- ii. *Kumpulan Perkhidmatan* : Pengurusan dan Profesional
- iii. *Taraf Jawatan* : Tetap
- iv. *Jadual Gaji* :

Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
Q41	RM2,145.88	RM6,871.56	RM225.00
Q43	RM3,413.23	RM7,212.12	RM250.00
Q47	RM4,999.78	RM8,348.73	RM270.00
Q51	RM5,625.59	RM9,092.28	RM290.00
Q53	RM5,933.78	RM9,709.18	RM320.00

- v. *Syarat Kelayakan* :
 - a) Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berikut:-

<u>Bidang</u>	<u>Penempatan Kekosongan</u>
- Bioteknologi - (Proteomics)	Pusat Penyelidikan Bioteknologi, KKIP Kota Kinabalu
- Agronomy (Carbon Credit)	Pusat Penyelidikan & Pembangunan Koko, Sarawak
- Biak Baka (Breeding)	Pusat Penyelidikan & Pembangunan Koko, Madai / Tawau Sabah dan Jengka Pahang

daripada Universiti-universiti Tempatan atau luar negara atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**

- b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang memperolehi Ijazah Sarjana dan mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan)

Syarat-Syarat Permohonan

- i) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- ii) Calon-calun bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- iii) Bagi calon-calun yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan hendaklah berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh iklan serta mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan bersama Laporan Nilain Prestasi Tahun 2012, Kenyataan Perkhidmatan yang kemas kini dan Laporan Pengisytiharan Harta.

Penaklukan Di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan

Calon-Calun yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **borang permohonan yang boleh** dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Ijazah (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM/SRP/PMR, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **Jumaat, 04 OKTOBER 2013** ke Ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
TINGKAT 6, WISMA SEDCO,
LORONG PLAZA WAWASAN
OFF COASTAL HIGHWAY
BEG BERKUNCI 211
88999 KOTA KINABALU, SABAH.
(U.P : UNIT PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN)**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat.

Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan** dan **akan dianggap tidak berjaya**, hanya calon-calun yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.